

# Kerajaan digesa kaji semula kelulusan

**Petaling Jaya:** Kerajaan diminta mengkaji semula keputusan untuk memperkenalkan perkhidmatan teksi motosikal atau GoJek yang disifatkan tidak sesuai dilaksanakan di negara ini.

Pengasas Platform Apps Sdn Bhd, Mohd Noah Maideen yang mengendalikan perkhidmatan e-hailing, MyCar, berkata pihaknya membantah keputusan itu atas pelbagai faktor termasuk keselamatan dan bercanggah sosiobudaya.

“Malaysia tidak memerlukan perkhidmatan itu kerana mempunyai jaringan jalan raya baik yang sesuai untuk kenderaan jenis kereta atas faktor keselamatan penumpang,” katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Mohd Noah berkata, perkhidmatan itu juga tidak sesuai dengan sosiobudaya negara ini yang mengutamakan menjagaan kehormatan diri dan mendakwa kebimbangan terhadap pernah disuarakan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke pada pertemuan mereka sebelum ini.

Sementara itu, Grab Malaysia pula bersedia melaksanakan peningkatan dan inovasi keselamatan bagi perkhidmatan berkenaan jika negara memilih menjadikan motosikal sebagai satu pengangkutan awam.

Ketuanya, Sean Goh, turut mencadangkan peraturan Perkhidmatan Kenderaan Awam (PSV) menetapkan ciri keselamatan khas motosikal bagi melindungi orang ramai.

“Grab mengalu-alukan sokongan bagi memberi peluang pendapatan (menerusi perkhidmatan motosikal). Grab sedar Kabinet menyokong permintaan penggunaan perkhidmatan motosikal ini, tetapi pada masa sama menyatakan kebimbangan terhadap keselamatan penggunaan perkhidmatan itu,” katanya dalam kenyataan.

*BERNAMA* melaporkan pengalisis, aktivis masyarakat dan orang awam mahu faktor keselamatan diberi perhatian dalam cadangan kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan GoJek.

Mereka senada berpendapat di

sebalik aspek membuka ruang pekerjaan serta menambah pendapatan, isu keselamatan dan nyawa penunggang serta pembonceng motosikal perlu diberi perhatian serius.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata faktor keselamatan perlu berikutan kadar kematian penunggang dan pembonceng motosikal di negara ini adalah tinggi setiap tahun.

“Pada saat kita berusaha mencari jalan penyelesaian bagi mengurangkan kematian penunggang motosikal, GoJek ini pula sudah tentu memancing ramai minat anak muda dan sesiapa sahaja untuk menunggang.

“Mereka yang tidak ada motosikal pun akan membeli motosikal, ia secara tidak langsung meningkatkan risiko keselamatan dan nyawa,” katanya.

Berkongsi pandangan sama, Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara

(NIOSH) yang juga aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, memohon kerajaan mempertimbang sebaik-baiknya aspek keselamatan dalam pelaksanaan cadangan itu.

“Kalau dari aspek meningkatkan kemudahan pengangkutan untuk golongan rakyat berpendapatan rendah, ini mungkin ada kelebihan tetapi sebelum ia dilaksanakan, saya berharap semua aspek berkaitan keselamatan jalan raya diambil kira,” katanya.

Di Kuantan, Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman, berkata perbincangan lebih teliti dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak perlu dilakukan terlebih dulu sebelum melaksanakan perkhidmatan itu.

Katanya, walaupun ada pandangan menyokong supaya perlawaran perkhidmatan itu diluluskan segera, mungkin ada sudut pandangan lain daripada pakar perlu dinilai terlebih dulu sebelum sebarang keputusan muktamad dibuat.